

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 4 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI cadang peruntukan RM500j	Utusan Malaysia
2.	Bajet 2015: Mosti Mohon Peruntukan Beli Produk Inovasi Tempatan	BERNAMA
3.	Fenomena Tiang Cahaya	Harian Metro
4.	Mungkin fenomena Light Pillar: Saintis	Berita Harian
5.	'Mystery' beam leaves Sabah folk awestruck	New Straits Times
6.	Paras kapasiti empangan naik	Harian Metro
7.	Paras empangan naik sedikit	Sinar Harian
8.	22 individu ditahan SPRM	Utusan Malaysia
9.	SPRM Tahan 22 Individu Termasuk Seorang Pengarah Kastam Negeri	BERNAMA
10.	Customs men in crime ring busted	The Star
11.	3,000 Peserta Dijangka Hadir Majlis Penerangan Perdana GST – Ahmad Maslan	BERNAMA
12.	Kiwi anti-Lynas activist barred from entering Malaysia	The Malay Mail

Bolehkan kerajaan beli produk inovasi yang baru dikomersialkan

# MOSTI cadang peruntukan RM500j

Oleh NORLIZA MOHAMAD  
ZAKARIA  
pengarang@utusan.com.my

**JASIN** 3 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mencadangkan kerajaan memperuntukkan RM500 juta bagi membolehkan Kementerian itu membeli produk inovasi yang baru dikomersialkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, produk yang dibeli itu akan diedarkan kepada orang ramai atau Kementerian lain untuk dicuba.

"Apabila masyarakat melihat sendiri produk-produk ini digunakan oleh kerajaan, mereka akan lebih yakin untuk menggunakannya.

Masyarakat kita lebih suka menunggu dan melihat, dengan cara ini pengguna yang telah mencuba mungkin dapat memberi maklum balas yang baik kepada orang ramai dan menjadikan mereka lebih yakin untuk mencuba

ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

"Masyarakat kita lebih suka menunggu dan melihat, dengan cara ini pengguna yang telah mencuba mungkin dapat memberi maklum balas yang baik kepada orang ramai dan menjadikan mereka lebih yakin untuk mencuba," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Karnival Kelab Pembinaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di Politeknik Merlimau, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Politeknik Merlimau, Zolkarnain Job-

shi dan Pengurus Besar Kanan Sektor Pengurusan CIDB, Elias Ismail.

Sempena karnival itu, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Negeri Sembilan muncul johan pertandingan arca bertemakan Selamatkan Bumi Kita dan membawa



pulang hadiah wang tunai RM1,500, trofi dan sijil kemenangan.

Sewaktu berucap dalam majlis itu, Abu Bakar menyeru golongan pendidik supaya menggalakkan budaya pemikiran kreatif atau di luar kotak dalam kalangan pelajar masing-masing bagi menerapkan nilai inovasi.

Katanya, penerapan nilai inovasi dapat membantu melonjakkan perubahan positif dalam diri seseorang individu tidak kira dalam pembelajaran atau pekerjaan.

"Apa yang saya lihat, nilai dan budaya inovasi di negara ini semakin berkembang. Tentunya budaya inovasi ini akan menjadi salah satu kriteria utama dalam membawa negara ke arah status negara maju," katanya.



## Bajet 2015: Mosti Mohon Peruntukan Beli Produk Inovasi Tempatan

JASIN, 3 Sept (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) bercadang memohon peruntukan sebanyak RM500 juta dalam Bajet 2015 bagi membeli produk inovasi untuk membantu mengkomersialkan produk tempatan.

[Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata langkah itu juga sebagai satu pendekatan untuk menggalakkan rakyat menggunakan produk inovasi yang dikeluarkan di negara ini.

"Mosti mencadangkan sejumlah RM500 juta diperuntukkan dalam bajet akan datang untuk membeli produk inovasi, tetapi ia bergantung kepada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup karnival pembinaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Melaka/Negeri Sembilan dan Politeknik Merlimau Melaka di sini, hari ini.

Beliau berkata produk inovasi yang dibeli kemudiannya akan diagihkan kepada kementerian tertentu untuk digunakan.

Sebagai contoh katanya Mosti bercadang membeli produk menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes 'Mousticide' keluaran sebuah syarikat tempatan yang mampu membantu memerangi wabak denggi yang semakin menular di negara ini.

Mengulas lanjut katanya, terdapat pelbagai produk inovasi yang dihasilkan pencipta tempatan tetapi berdepan masalah untuk dikomersialkan atau dijual kerana rakyat berasa ragu-ragu untuk membeli dan menggunakannya.

Terdahulu, Abu Bakar menyampaikan piala, sijil penghargaan dan cek berjumlah RM1,500 kepada Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja Rembau, Negeri Sembilan yang menjuarai pertandingan mencipta arca pada karnival tersebut.

Sebanyak 50 peserta yang merupakan ahli Kelab Pembinaan CIDB dari lapan sekolah dan kolej vakasional di negeri Melaka dan Negeri Sembilan menyertai pertandingan itu.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11  
TARIKH: 04 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)

## Fenomena Tiang Cahaya

**Kota Kinabalu:** Kewujudan cahaya terang sehingga mencetuskan kegemparan penduduk sekitar bandar raya ini adalah disebabkan oleh fenomena semula jadi yang dikenali sebagai Tiang Cahaya atau 'Light Pillar'.

Pengarah Meteorologi Sabah Abdul Malek Tusin berkata, fenomena alam jarang berlaku dan tidak mustahil akan muncul sekiranya terdapat hablur ais di langit yang memantulkan cahaya dari daratan.

"Kejadian seumpama ini

ini dan kali ini, Tiang Cahaya berlaku di lokasi didiami penduduk.

"Keadaan ini menyebabkan penduduk terkejut dan pelik selain timbul banyak spekulasi yang tidak tepat," katanya.

Menurut laman sesawang [weatheronline.co.uk](http://weatheronline.co.uk), Tiang Cahaya adalah satu cahaya menegak sama ada ke atas atau bawah lingkaran matahari.

Fenomena ini biasanya dilihat ketika matahari terbit atau terbenam apabila

cahaya terang dipantul oleh hablur ais yang terdapat di awan egcirrostratus.

Hablur ais ini yang berterbaran di udara akan memantulkan sebarang cahaya terang sehingga membentuk fenomena alam dipanggil Tiang Cahaya.

Fenomena ini akan membentuk seakan garis cahaya berwarna oren/putih atau merah/oren dalam beberapa minit. Malah, kejadian ini boleh berlaku antara 20 minit sehingga satu jam.



*PENYELIDIK tidak menolak kemungkinan fenomena Tiang Cahaya boleh terbentuk daripada pantulan cahaya api yang dihasilkan di Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) di Kimanis, Papar.*

